

Perangi keganasan guna teknologi baru

UM 10 OCT 2001

Oleh
MOHD. KAMIL YUSUFF

LANGKAWI 9 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perang membanteras keganasan kini tidak lagi memadai dengan penggunaan senjata moden sedia ada sebaliknya ia memerlukan satu sistem dan teknologi baru.

Perdana Menteri berkata, perlu wujud sistem baru mengumpul maklumat risikan, penggunaan peranti elektronik baru, kemampuan pengawasan, gambar yang lebih baik dari angkasa lepas, kemampuan awal mengesan kimia beracun dan pesawat kawalan jauh.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, ketika pemimpin-pemimpin dunia berusaha mengenal pasti punca keganasan dan mencari jalan menanganinya, institusi-institusi penyelidikan perlu mencari sistem baru yang lebih berkesan bagi tujuan tersebut.

"Budaya hidup masyarakat dunia telah berubah. Sesuatu perkara yang biasa dalam kehidupan manusia turut berubah secara radikal termasuk konsep peperangan dan pertahanan.

"Penggunaan senjata bia-

sa untuk menentang keganasan sudah tidak memadai lagi. Senjata menentang penganas pastinya akan jauh berbeza," ujarnya semasa berucap merasmikan Pameran Udara dan Mari-

tim Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA '01) di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir lagi, konsep sekarang mengenai peperangan dan pertahanan telah berubah se-

jak serangan berani mati ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington pada 11 September lalu.

Beliau berkata, walaupun senjata-senjata kon-

vensional nampak seperti tidak berguna lagi, tetapi ia perlu dikekalkan kerana pepatah ada menyebut bahawa untuk memastikan keamanan, mesti bersedia untuk berperang.